



# JosSTEd

JOURNAL OF SOCIAL SCIENCES  
AND TECHNICAL EDUCATION

## Amalan Pengurusan Risiko Jurulatih dalam Aktiviti Kokurikulum di Institut Pendidikan Guru Malaysia, Zon Sabah dan Sarawak

(Trainer's Risk Management Practices in Co-curriculum Activities at Teachers Education Institute of Malaysia, Sabah and Sarawak Zone)

\*PAIRINS BADIN<sup>1</sup>, HASHIMA HAMID<sup>2</sup>

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia<sup>1,2</sup>

\* Corresponding author: pairinsyanbadin@yahoo.com

### ARTICLE INFO

#### Article History:

Received 03.07.2023

Accepted 22.08.2024

Published 24.09.2024

### Abstrak

Aktiviti kokurikulum lazimnya dilaksanakan di luar bilik darjah agar pelajar dapat menikmati aktiviti yang dijalankan dalam suasana yang berbeza dan bersesuaian dengan objektif yang dirancang. Di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), pelaksanaan aktiviti di luar bilik darjah tidak terhad kepada aktiviti kokurikulum seperti persatuan, unit beruniform, sukan dan permainan malah dipanjangkan kepada kurikulum yang mempunyai pentaksiran amali seperti kursus Pendidikan Luar (PL), Bina Insan Guru (BIG) dan sebagainya. Kebanyakan aktiviti yang dirancang di luar bilik darjah terdedah kepada pelbagai risiko. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan pengurusan risiko jurulatih kokurikulum di IPGM Zon Sabah dan Sarawak dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum. Kajian kuantitatif ini menggunakan soal selidik PRAKO yang mempunyai kebolehpercayaan alpha Cronbach (KR-20) 0.96 terhadap 39 jurulatih kokurikulum yang bertugas di Unit Kokurikulum di 8 kampus IPGM Zon Sabah dan Sarawak. Dapatan kajian dianalisis menggunakan perisian SPSS Versi 22 dengan hasil kajian mendapati tahap amalan pengurusan risiko jurulatih pada nilai min 4.68, SP=0.272. Amalan pengurusan risiko jurulatih berdasarkan jantina  $t(37)=-1.592$ ,  $p=0.120$  ( $>0.05$ ) menunjukkan perbezaan yang tidak signifikan, namun amalan pengurusan risiko jurulatih berdasarkan lokasi  $t(37)$ ,  $p=-0.651$ , ( $<0.05$ ) menunjukkan perbezaan yang signifikan. Amalan pengurusan risiko jurulatih berdasarkan umur  $F(2, 36)=42.437$ ,  $p=0.000$  ( $<0.05$ ) dan amalan pengurusan risiko jurulatih berdasarkan pengalaman  $F(2, 36)=8.802$ ,  $p=0.001$ , ( $<0.05$ ) menunjukkan perbezaan yang signifikan. Implikasinya, jurulatih yang dilantik mengendalikan aktiviti kokurikulum adalah kompeten dalam aspek pengetahuan dan kemahiran menguruskan pengurusan risiko aktiviti kokurikulum dengan membuat keputusan mengikut prosedur standard operasi sekaligus mengetahui limitasi setiap program yang dianjurkan.

Keywords: Aktiviti Ko-kurikulum, Jurulatih, Amalan Pengurusan Risiko, IPGM.

### **Abstract**

Co-curricular activities are usually implemented outside the classroom to provide a different atmosphere for the students to enjoy the activities following the planned objectives. At the Teachers Education Institute of Malaysia (TEIM), the implementation of activities outside the classroom is not limited to co-curricular activities such as associations, uniformed units, sports, and games but is extended to curricula that have practical assessments such as courses in Outdoor Education (OE), Teacher Character Development (TCD), and many more. Most activities planned outside the classroom are exposed to various risks. This study to identify the risk management practices (RMP) of co-curricular trainers at TEIM Sabah and Sarawak Zones in carrying out co-curricular activities. This quantitative study uses a PRAKO questionnaire that has a Cronbach's alpha reliability (KR-20) of 0.96 against 39 co-curricular trainers working in the Co-Curriculum Unit at 8 TEIM campuses in Sabah and Sarawak Zones. The research findings were analyzed using SPSS Version 22 software. The results show the RMP level of the trainers at a mean value of 4.68, SP=0.27. RMP of coaches based on gender  $t(37)=-1.592, p=0.120 (>0.05)$  and RMP of trainers based on location  $(t(37), p=0.651, (>0.05))$  show non-significant differences. RMP of trainers based on age  $F(2, 36)=42.437, p=0.000 (<0.05)$  and the trainers' RMP based on experience  $F(2, 36)=8.802, p=0.001, (<0.05)$  showed a significant difference. As an implication, coaches appointed to handle co-curricular activities are competent in knowledge and skills in risk management of co-curricular activities by making decisions according to standard operating procedures while knowing the limitations of each organized program.

**Keywords:** Co-curricular Activity, Trainer, Risk Management Practice, TEIM.

---

## **PENGENALAN**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap amalan pengurusan risiko dalam kalangan jurulatih kokurikulum di 8 kampus Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) zon Sabah dan Sarawak. Amalan pengurusan risiko ialah proses yang sistematik dalam mengenal pasti pendedahan kepada risiko dan mengambil sebarang tindakan untuk meminimumkan impaknya seperti mengenalpasti bahaya, penilaian kemungkinan bahaya ini boleh menyebabkan kemudaratan yang sebenar, pengenalan dan pelaksanaan langkah-langkah untuk mengurangkan tahap risiko, semakan prestasi dan komunikasi maklumat risiko kepada semua pihak yang berkepentingan (Brown, 2001; Fuller, 1999). Oleh itu, amalan pengurusan risiko ialah sesuatu aktiviti kebiasaan oleh sesebuah organisasi dalam melaksanakan operasi mengikut kaedah, peraturan yang sistematik untuk mengenal pasti sesuatu aktiviti itu terdedah kepada risiko bahaya yang mungkin menyebabkan kemudaratan. Amalan pengurusan risiko bertujuan untuk mengurangkan tahap risiko dengan cara mengenalpasti bahaya, menilai kemungkinan bahaya dan mengambil langkah mengurangkan tahap risiko dengan membuat semakan dan berkomunikasi dengan pihak-pihak berkepentingan. Dalam kajian ini, amalan pengurusan risiko aktiviti kokurikulum bermaksud kebiasaan proses perancangan, pengawalan peraturan, tanggungjawab, daya usaha anggota organisasi untuk mencapai matlamat yang ditentukan dalam konteks organisasi yang terlibat dengan penyediaan aktiviti, produk atau perkhidmatan kokurikulum, sukan dan kecergasan.

### **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Tragedi seorang pelajar pondok lemas semasa menyertai aktiviti perkhemahan anjuran sekolah tersebut selama empat hari pada bulan Jun 2023 dan tragedi tanah runtuh di Batang Kali, Hulu Selangor yang meragut 31 nyawa pada bulan Disember 2022 (Sinar Harian, 2023; Astro Awani, 2022) menarik perhatian media dan dunia pendidikan Malaysia mengenai keupayaan institusi pendidikan menyediakan persekitaran yang selamat semasa aktiviti di luar bilik darjah. Terdapat pelbagai potensi dan risiko bahaya yang boleh berlaku semasa aktiviti kokurikulum yang berkemungkinan akan menyebabkan berlakunya bahaya, kehilangan upaya maupun kematian. Faktor keselamatan perlu dititikberatkan dalam usaha mengurangkan risiko kemalangan yang melibatkan jurulatih dan kakitangan, pelajar dan orang awam. Hal ini membuktikan kepentingan amalan pengurusan risiko dalam kalangan pentadbir, jurulatih dan pengiat sukan maupun mereka yang terlibat dalam aktiviti kokurikulum termasuk pelajar. Kemalangan ini berlaku kerana kurangnya kesedaran dan kefahaman terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan oleh pihak-pihak yang terlibat, tiada garis panduan yang spesifik dalam amalan pengurusan risiko untuk melaksanakan sesuatu aktiviti.

Pengurusan secara sistematik di tempat kerja amat penting untuk memperoleh keberkesanan dan menjamin keselamatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Mohd. Najib, 2015). Ini bersesuaian dengan kebolehan mengurus risiko oleh para jurulatih kokurikulum yang berteraskan sikap, pengetahuan dan kemahiran yang menjadi amalan semasa menjalankan aktiviti di dalam dan luar bilik darjah. Menurut Oh Sin Koeng (2003), mendapati 64% guru yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) tidak mendapat sebarang latihan untuk mengurus bengkel KHB secara khusus. Kajian tersebut menunjukkan terdapat kelemahan yang ketara dalam aspek pengurusan, pengetahuan dan kemahiran dalam kerja penyelenggaraan adalah penyebab kepada pengurusan bengkel KHB tidak diurus dengan berkesan dan sistematik (Sulong, 2000). Ini bermakna terdapat keperluan untuk menyediakan sumber manusia yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam menguruskan aktiviti kokurikulum bagi meminimumkan risiko kecederaan, kemalangan dan kehilangan nyawa.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap amalan pengurusan risiko jurulatih kokurikulum di Institut Pendidikan Guru Malaysia zon Sabah dan Sarawak selain melihat kepada perbezaan tahap amalan pengurusan risiko jurulatih berdasarkan demografi yang ditetapkan seperti lokasi, jantina, umur dan tempoh pengalaman. Data yang diperolehi dapat menyumbang data kepada pengurusan sumber manusia di peringkat IPGM khususnya pengambilan jurulatih baharu selain mendedahkan faedah amalan pengurusan risiko dalam kalangan jurulatih kokurikulum di semua institusi pendidikan. Terdapat empat (4) objektif kajian yang ingin dicapai dalam kajian ini iaitu; a) Menenal pasti tahap amalan pengurusan risiko aktiviti kokurikulum jurulatih di Institut Pendidikan Guru Zon Sabah Sarawak, (b) Menenal pasti perbezaan amalan pengurusan risiko aktiviti kokurikulum jurulatih di Institut Pendidikan Guru Zon Sabah Sarawak berdasarkan jantina, (c) Menenal pasti perbezaan amalan pengurusan risiko aktiviti kokurikulum jurulatih di Institut Pendidikan Guru Zon Sabah Sarawak berdasarkan lokasi, (d) Menenal pasti perbezaan amalan pengurusan risiko aktiviti kokurikulum jurulatih di Institut Pendidikan Guru Zon Sabah Sarawak berdasarkan umur dan (e) Menenal pasti perbezaan amalan pengurusan risiko aktiviti kokurikulum jurulatih di Institut Pendidikan Guru Zon Sabah berdasarkan pengalaman kerja.

## **SOROTAN LITERATUR**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mewujudkan Rancangan Kesihatan, Program Bersepadu Sekolah Sihat dan Polisi Sekolah Selamat sebagai langkah mencegah berlakunya kemalangan dengan meningkatkan kefahaman dan penghayatan bahawa pengurusan risiko dan keselamatan hendaklah dijadikan agenda utama dalam aspek pendidikan di sekolah (KPM, 2012). Program dan polisi yang diwujudkan ini menjadi titik tolak menjadikan amalan pengurusan risiko kepada warga pendidik bagi penyediaan persekitaran yang selamat kepada murid dan staf sekolah. Menurut Fatimah (2015), berdasarkan teori motivasi Maslow jaminan terhadap aspek keselamatan adalah suatu keperluan manusia setelah keperluan asas dipenuhi. Justeru itu, tuntutan terhadap keselamatan risiko perlu diberi perhatian oleh sesebuah institusi yang mengajurkan aktiviti kokurikulum di luar bilik darjah yang berisiko tinggi berlaku kemalangan. Amalan pengurusan risiko dalam sukan dan aktiviti kokurikulum mendapat perhatian sejak 1970-an, kini menjadi semakin serius pada awal 2000-an (Aman, 2006). Ini disebabkan oleh aktiviti sukan dan rekreasi dahulunya hanyalah untuk memenuhi masa lapang kini bertukar status sebagai rutin harian oleh sebilangan masyarakat sebagai sumber pendapatan seperti kerjaya seorang atlet, pengurus acara, jurulatih dan penganjur acara. Oleh itu, setiap individu yang terlibat dalam aktiviti kokurikulum, sukan dan rekreasi hendaklah dilengkapi dengan pengetahuan (Kassim, 2012) mengenai risiko-risiko berkaitan aktiviti luar yang bakal disertai seperti keadaan peralatan, gelanggang dan lokasi aktiviti yang digunakan selamat dan sentiasa diselenggara agar langkah pencegahan boleh diambil untuk mengurangkan risiko kemalangan. Kecuaian peserta dan pengendali aktiviti sukan, rekreasi dan kokurikulum menjadi punca berlakunya kemalangan disebabkan oleh kurangnya amalan pengurusan risiko.

Pengetahuan dan kemahiran jurulatih yang terlibat dengan sesuatu aktiviti boleh meningkatkan keyakinan pengurusan organisasi, klien dan masyarakat ketika melaksanakan aktiviti yang berisiko berlakunya kemalangan. Hubungan positif yang tinggi dan berjaya menunjukkan wujudnya hubungan yang kuat antara pengetahuan dan kemahiran setiausaha sukan sekolah dengan pengurusan risiko (Ang, 2007). Dalam konteks pelaksanaan aktiviti kokurikulum, jurulatih yang tidak kompeten dalam aspek pengetahuan dan kemahiran diyakini tidak mampu mengawal risiko berlakunya kemalangan semasa menjalankan tugasnya disebabkan kurang pengetahuan dan kemahiran dalam aspek pengawalan risiko semasa mengelola sesuatu aktiviti.

Menurut Singh dan Surujlil (2010), kajian kebimbangan ibu bapa terhadap guru bukan opsyen PJK mengendalikan aktiviti sukan mempunyai hubungan yang positif. Ini disebabkan guru bukan opsyen tidak menguasai aspek pengurusan risiko sukan dan aktiviti kokurikulum. Kebimbangan ini menyebabkan ibu bapa tidak menggalakan anak-anak mereka menyertai aktiviti kokurikulum dan sukan kerana risiko kecederaan dan kecuai. Dalam erti kata lain, jurulatih menjadi faktor penyebab keyakinan ibu bapa menggalakan anak-anak mereka terlibat dalam aktiviti luar bilik darjah. Menurut Fatimah (2015), pengetahuan dan kemahiran adalah faktor penentu kepada kompetensi jurulatih. Ini bermakna pengetahuan dan kemahiran ini berkait rapat dengan amalan pengurusan risiko jurulatih bagi meminimumkan risiko kecederaan dan kemalangan dalam penganjuran dan pengelolaan aktiviti sukan dan kokurikulum. Jurulatih yang berpengetahuan semasa membuat penerangan dan demonstrasi dapat meningkatkan keyakinan peserta untuk menyertai sesuatu aktiviti. Oleh itu, amalan pengurusan risiko dalam aktiviti kokurikulum perlu diambil perhatian yang serius dalam semua aktiviti sukan dan kokurikulum.

Pengurusan dalam kokurikulum, sukan dan rekreasi sangat universal kerana aktiviti dijalankan di tapak dan tempat sukan dan rekreasi berbeza dan perlu dihayati untuk mengenal pasti aspek kecekapan pengurusan sukan dan kokurikulum yang mungkin diperlukan oleh pengurus sukan sekolah (Pedersen et al., 2011) seperti keupayaan untuk berkomunikasi dengan berkesan, menguruskan masa, menguruskan tekanan, mengendalikan mesyuarat, menguruskan maklumat dan menguruskan risiko (Steyn et al., 2012). Namun begitu, kandungan dan hasil pembelajaran yang berkaitan dengan program-program pengurusan sukan adalah generik dan tidak semestinya menepati keperluan latihan pengurusan sukan yang khusus untuk pengurus sukan sekolah di sekolah-sekolah (Vosloo, 2014). Banyak pengurus dan jurulatih sukan sekolah dilantik kerana mereka mempunyai sifat-sifat penting yang diperlukan iaitu mempunyai semangat, tenaga dan pengalaman pentadbiran tetapi mereka beranggapan kurang berkelayakan dengan kecekapan sebenar, kemahiran, pengetahuan dan kualiti untuk menghadapi kerja mereka (Chelladurai, 2005). Pengurus dan jurulatih sukan sekolah adalah pemimpin yang mengawal selia, memudahkan, menggalakan atau menganjurkan aktiviti sukan dan kokurikulum yang berkaitan di sekolah (Vosloo, 2014).

Pengurusan risiko telah dimasukkan dalam bidang kokurikulum, sukan dan rekreasi menjadi sebahagian elemen penting secara keseluruhan termasuk belanjawan, perlindungan insurans, kelayakan jurulatih, peralatan dan pengurusan kemudahan dan tugas lain (Appenzeller, 2005). Tanggungjawab menyelia keselamatan dan menilai risiko terletak kepada pemilik program, jurulatih, guru dan kakitangan yang terlibat dalam sesuatu aktiviti kokurikulum (Fatimah, 2015). Pelbagai faktor dalam amalan pengurusan risiko seperti tiada pemantauan dalam aspek alatan, kemudahan yang uzur, jurulatih kurang bertauniah, jurulatih bukan bidang serta tidak menyediakan kemudahan perubahan yang sempurna (Richard, 2005). Justeru itu, semua pihak hendaklah bersedia untuk mengubah amalan semasa merancang dan melaksanakan aktiviti kokurikulum di sekolah. Pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan risiko yang kompeten merupakan keperluan utama dalam mengurus risiko bagi memastikan persekitaran selamat untuk semua orang sepanjang aktiviti. Kebanyakan jurulatih kokurikulum di institusi pendidikan dilantik oleh pentadbir dengan mengambil kira kebolehan, minat dan keupayaan mereka. Pihak berwajib mengambil inisiatif menyediakan jurulatih yang berkesan dalam menjalankan tugas, dengan menyediakan latihan formal dan diberikan sijil khas pengendalian aktiviti kokurikulum terutamanya yang melibatkan aktiviti sukan air, terjunan dan sebagainya (Abu Bakar, 2007). Semua warga pendidik yang bertanggungjawab dalam pengurusan program sukan di sekolah perlu mendapat kefahaman yang menyeluruh tentang kompetensi tugas masing-masing dan pelan pengurusan risiko dan keselamatan program di sekolah (Ang, 2007).

## METODOLOGI

Pemilihan reka bentuk kajian yang sesuai perlu diberi perhatian agar kredibiliti hasil kajian pada tahap yang diyakini. Reka bentuk kajian yang tidak bersesuaian berkemungkinan menjejaskan nilai kajian (Dannels, 2018). Oleh itu, penyelidik memilih kajian deskriptif menggunakan soal selidik dengan membuat pemerhatian data kajian keratan rentas kepada populasi dalam satu masa yang popular digunakan dalam penyelidikan bidang sains sosial dan pendidikan (Cherry, 2019). Pemilihan reka bentuk kajian ini disebabkan penyelidik mudah mendapatkan data, menjimatkan masa dan menghasilkan keputusan yang cepat selain tidak memerlukan tindakan susulan terhadap dapatan kajian.

### POPULASI DAN PENSAMPELAN

Populasi merupakan keseluruhan kumpulan kajian yang mempunyai ciri kajian yang sama, manakala sampel merujuk kepada sejumlah individu yang dilibatkan dalam kajian daripada keseluruhan kumpulan kajian (Bhandari, 2020). Populasi dalam kajian ini hanya melibatkan jurulatih kokurikulum yang ditempatkan bertugas di Unit Kokurikulum IPGM di 8 kampus zon Sabah dan Sarawak. Secara umumnya, perjawatan jurulatih kokurikulum di setiap kampus diperuntukan kepada 5 jawatan iaitu ketua unit, penyelaras sukan dan permainan, penyelaras unit beruniform, penyelaras persatuan dan penyelaras program Bina Insan Guru. Pensampelan menepati 97.5% responden yang mengambil bahagian dalam kajian ini. Penyelidik beranggapan semua responden memberikan jawapan yang Ikhlas semasa menjawab soal selidik secara dalam talian dalam tempoh yang ditetapkan.

### INSTRUMEN

Instrumen kajian merupakan alat yang digunakan untuk menjawab persoalan kajian melalui proses pengumpulan, pengukuran dan analisis data (Konting, 2000). Penggunaan instrumen kajian yang sesuai memudahkan penyelidik menceraip data yang tepat dan cepat sekiranya instrumen yang dipilih memenuhi kriteria pengukuran bagi sesuatu penyiasatan. Penyelidik menggunakan soal selidik PRAKO mempunyai 58 item soalan dengan pecahan 3 konstruk dan 15 sub konstruk. Instrumen PRAKO Soal selidik dipilih kerana mempunyai justifikasi kriteria pengurusan risiko pengenapastian, penilaian, pemilihan operasi dan pelaksanaan selain mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan alpha Cronbach (KR-20) pada nilai 0.96 sangat tinggi (Sumintono & Widhiarso, 2015).

### ANALISIS DATA

Dapatan kajian ini dianalisis menggunakan perisian SPSS Versi 22. Terdapat beberapa rujukan disertakan sebagai panduan kepada penyelidik bagi menentukan kebolehpercayaan dan interpretasi data-data yang akan dibincangkan dalam dapatan kajian. Kajian ini menggunakan ketetapan pekali Alpha kebolehpercayaan dari Sumintono & Widhiarso (2015) bagi sebagai rujukan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik seperti dalam jadual 1 menunjukkan pekali alfa kebolehpercayaan instrumen soal selidik yang baik dan boleh digunakan hendaklah mempunyai skor saiz alpha Cronbach (KR-20) dalam julat >0.61 -0.69 (Baik), 0.70-0.89 (Tinggi) dan >0.90-1.0 (Sangat Tinggi).

Jadual 1. Pekali Alpha Kebolehpercayaan

| Saiz Alpha Cornbach (KR-20) | Pekali Alpha  |
|-----------------------------|---------------|
| <.5                         | Rendah        |
| <.6                         | Sederhana     |
| >.61 -.69                   | Baik          |
| >.70-.89                    | Tinggi        |
| >.90-1.0                    | Sangat Tinggi |

Sumber: Sumintono & Widhiarso, 2015

Kajian ini akan merujuk interpretasi skor min dicadangkan oleh Landel, (1997) sebagai panduan tafiran skor min seperti dalam jadual 2 menunjukkan skor min yang tinggi hendaklah melebihi nilai 3.80 hingga 5.00.

Jadual 2. Intrepretasi skor min

| Skor Min   | Tafsiran  |
|------------|-----------|
| 1.00 -2.39 | Rendah    |
| 2.40-3.79  | Sederhana |
| 3.80-5.00  | Tinggi    |

Sumber: Landell, 1997

## ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Data kajian yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian SPSS Versi 22 terhadap sampel (N=39) jurulatih kokurikulum yang di unit kokurikulum untuk mengenal pasti tahap amalan pengurusan risiko aktiviti kokurikulum. Sampel kajian yang terdiri daripada 30 lelaki (76.9%) dan 9 perempuan (23.1%) menepati 97.5% daripada populasi kajian.

(a) Menenal pasti tahap amalan pengurusan risiko aktiviti kokurikulum jurulatih di Institut Pendidikan Guru Zon Sabah Sarawak.

Data yang diperolehi dan dianalisis mendapati tahap amalan pengurusan risiko aktiviti kokurikulum jurulatih di Institut Pendidikan Guru Zon Sabah dan Sarawak pada nilai min 4.677 dengan sisihan piawai .272 pada tahap tinggi seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3. Tahap amalan pengurusan risiko aktiviti kokurikulum jurulatih di Institut Pendidikan Guru Zon Sabah Sarawak

| Amalan Pengurusan Risiko | Min   | Sisihan Piawai |
|--------------------------|-------|----------------|
|                          | 4.677 | .272           |

(b) Menenal pasti perbezaan amalan pengurusan risiko aktiviti kokurikulum jurulatih di Institut Pendidikan Guru Zon Sabah Sarawak berdasarkan jantina.

Analisis data mendapat terdapat perbezaan yang tidak signifikan terhadap tahap amalan pengurusan risiko aktiviti kokurikulum jurulatih di Institut Pendidikan Guru Zon Sabah Sarawak berdasarkan jantina  $t(37)=-1.592$ ,  $p=0.120$  ( $p>0.05$ ) seperti dalam jadual 4.

Jadual 4: Perbezaan tahap amalan pengurusan risiko aktiviti kokurikulum jurulatih di Institut Pendidikan Guru Zon Sabah Sarawak berdasarkan jantina

| APR | Jantina   | N  | M     | SP    | t      | df | p    |
|-----|-----------|----|-------|-------|--------|----|------|
|     | Lelaki    | 30 | 4.64  | 0.297 | -1.592 | 37 | .120 |
|     | Perempuan | 9  | 4.801 | 0.091 |        |    |      |

Nota: Aras signifikan  $p<.05$

(c) Menenal pasti perbezaan amalan pengurusan risiko aktiviti kokurikulum jurulatih di Institut Pendidikan Guru Zon Sabah Sarawak berdasarkan lokasi.

Terdapat perbezaan yang tidak signifikan terhadap tahap amalan pengurusan risiko aktiviti kokurikulum jurulatih di Institut Pendidikan Guru Zon Sabah Sarawak berdasarkan lokasi  $t(37)=-.456$ ,  $p=.651$ , ( $>.05$ ) seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5: Perbezaan tahap amalan pengurusan risiko aktiviti kokurikulum jurulatih di Institut Pendidikan Guru Zon Sabah Sarawak berdasarkan lokasi

| APR | Lokasi  | N  | M    | SP   | <i>t</i> | df | <i>p</i> |
|-----|---------|----|------|------|----------|----|----------|
|     | Sabah   | 18 | 4.66 | .314 | -.456    | 37 | .651     |
|     | Sarawak | 21 | 4.7  | .236 |          |    |          |

Nota: Aras signifikan  $p < .05$

(d) Mengenal pasti perbezaan amalan pengurusan risiko aktiviti kokurikulum jurulatih di Institut Pendidikan Guru Zon Sabah Sarawak berdasarkan umur

Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap amalan pengurusan risiko aktiviti kokurikulum jurulatih di Institut Pendidikan Guru Zon Sabah Sarawak berdasarkan lokasi  $F(2, 36) = 42.437$ ,  $p = .000$  ( $p < .05$ ) seperti dalam Jadual 6.

Jadual 6: Perbezaan tahap amalan pengurusan risiko aktiviti kokurikulum jurulatih di Institut Pendidikan Guru Zon Sabah Sarawak berdasarkan umur

| APR | Umur            | SP    | df | MS   | F      | <i>p</i> |
|-----|-----------------|-------|----|------|--------|----------|
|     | Antara kumpulan | 1.969 | 2  | .985 | 42.437 | .000     |
|     | Dalam kumpulan  | .835  | 36 | .023 |        |          |
|     | Jumlah          | 2.804 | 38 |      |        |          |

Nota: Aras signifikan  $p < 0.05$

(e) Mengenal pasti perbezaan amalan pengurusan risiko aktiviti kokurikulum jurulatih di Institut Pendidikan Guru Zon Sabah berdasarkan pengalaman kerja

Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap amalan pengurusan risiko aktiviti kokurikulum jurulatih di Institut Pendidikan Guru Zon Sabah Sarawak berdasarkan pengalaman kerja  $F(2, 36) = 8.802$ ,  $p = .001$ , ( $p < .05$ ) seperti dalam Jadual 7.

Jadual 7: Perbezaan tahap amalan pengurusan risiko aktiviti kokurikulum jurulatih di Institut Pendidikan Guru Zon Sabah Sarawak berdasarkan pengalaman kerja

| APR | Pengalaman Kerja | SP    | df | MS  | F     | <i>p</i> |
|-----|------------------|-------|----|-----|-------|----------|
|     | Antara kumpulan  | .921  | 2  | .46 | 8.802 | .001     |
|     | Dalam kumpulan   | 1.883 | 36 | .52 |       |          |
|     | Jumlah           | 2.804 | 38 |     |       |          |

Nota: Aras signifikan  $p < .05$

## PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Amalan pengurusan risiko jurulatih bertujuan untuk menyediakan ekosistem yang selamat dan berkesan dalam penganjuran aktiviti kokurikulum memerlukan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman. Amalan pengurusan risiko jurulatih kokurikulum di IPGM zon Sabah dan Sarawak pada tahap yang tinggi adalah disebabkan oleh jurulatih yang dilantik mempunyai kelayakan akademik (pengetahuan) dan sijil kejurulatihan (kemahiran) yang diiktiraf sebagai syarat dilantik ke jawatan ini. Pengetahuan penting dalam amalan pengurusan risiko jurulatih dan pengurus organisasi kokurikulum kerana setiap tindakan mereka dalam melaksanakan tugas sepanjang aktiviti adalah berdasarkan pengetahuan dan mengikut tatacara yang dipelajari secara formal sebagai kelayakan mereka dilantik berkhidmat. Pengetahuan dalam melaksanakan tugas biasanya dipelajari secara teori dan praktikal sehingga individu layak dianugerahkan sijil. Penganugerahan sijil, ijazah dan sebagainya melayakkan individu diiktiraf mempunyai pengetahuan. Pengetahuan yang ada pada jurulatih membantu mereka mengetahui dengan jelas mengenai polisi program, aspek perundangan, prosedur keselamatan penggunaan kemudahan dan peralatan

sebagai amalan pengurusan risiko. Aspek kemahiran guru, jurulatih dan pengurus organisasi dapat diukur melalui pengaplikasian pengalaman selepas menghadiri latihan formal sesuatu aktiviti sukan dan rekreasi untuk tujuan pentauliah seperti sijil kelayakan menyelamat di air *Bronze Medallion*, sijil kelayakan jurulatih kayak dan sebagainya. Kemahiran dan pengalaman ini membolehkan jurulatih mampu membuat pertimbangan, cekap dalam menunjuk cara kemahiran spesifik berkaitan dengan aktiviti yang dikendalikan. Oleh demikian, pengetahuan dan kemahiran akan memberi sumbangan yang besar kepada amalan pengurusan risiko aktiviti kokurikulum untuk menyediakan persekitaran yang selamat dalam semua penganjuran aktiviti.

Amalan pengurusan risiko jurulatih kokurikulum di Institut Pendidikan Guru Zon Sabah Sarawak berdasarkan jantina mempunyai perbezaan yang tidak signifikan disebabkan jurulatih yang dilantik mempunyai latar belakang pengetahuan dan kemahiran yang sama. Jurulatih kokurikulum yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran mampu melaksanakan sesuatu aktiviti mengikut kesesuaian tempat, kemudahan, peralatan dan tahap kemampuan peserta. Oleh itu, amalan pengurusan risiko jurulatih tidak dipengaruhi jenis jantina jika individu yang dilantik memiliki pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki diiktiraf.

Amalan pengurusan risiko jurulatih kokurikulum di Institut Pendidikan Guru Zon Sabah Sarawak berdasarkan lokasi mempunyai perbezaan yang tidak signifikan disebabkan kandungan sukatan pelajaran kokurikulum yang digunakan adalah sama di seluruh Malaysia. Jurulatih kokurikulum berupaya mentafsir dan melaksanakan setiap aktiviti berdasarkan prosedur operasi standard yang ditetapkan. Pengalaman jurulatih kokurikulum dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum pada masa lalu membolehkan mereka menyesuaikan aktiviti mengikut kemampuan peserta, mengenal pasti amaran awal risiko seperti cuaca dan keadaan lokasi aktiviti. Oleh itu, lokasi institut pendidikan guru tidak mempengaruhi amalan pengurusan risiko jurulatih disebabkan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman dalam mengenal pasti risiko yang wujud sekaligus bertindak balas dalam mengurangkan risiko bagi mengelak berlakunya kemalangan.

Amalan pengurusan risiko jurulatih kokurikulum di Institut Pendidikan Guru Zon Sabah Sarawak berdasarkan umur dan pengalaman kerja menunjukkan perbezaan yang signifikan disebabkan kematangan dan tempoh pengalaman sebagai jurulatih mendemonstrasi, mentafsir buku panduan penggunaan peralatan selain mentafsir perubahan keadaan cuaca dan persekitaran. Demonstrasi dengan betul oleh jurulatih dalam sesuatu aktiviti sangat penting untuk mengelakkan kecederaan dan kemalangan. Peniruan demonstrasi yang salah oleh peserta menyebabkan kemalangan pada diri sendiri atau orang lain. Kematangan fikiran dan tempoh pengalaman jurulatih meningkatkan kemahiran mengubah suai aktiviti disebabkan oleh kekurangan sumber yang ada menjadi taruhan dalam pengurusan risiko. Kemahiran memilih sumber yang ada dan tidak menyebabkan kecederaan untuk meneruskan aktiviti biasanya dibuat berdasarkan pengalaman. Oleh yang demikian, kematangan fikiran dan tempoh pengalaman jurulatih memainkan peranan yang penting dalam amalan pengurusan risiko atas dasar keselamatan aktiviti yang dijalankan.

Risiko kemalangan dapat diminimumkan sekiranya pengenalanpastian liabiliti dilakukan oleh pihak penganjur, penilaian risiko yang wujud dianalisis dan diambil tindakan, pemilihan operasi bersesuaian dengan kemampuan organisasi dan peserta, jaminan penyediaan sumber manusia, persekitaran, kemudahan dan peralatan yang selamat semasa aktiviti kokurikulum berlangsung. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan hendaklah dilakukan oleh individu yang berkelayakan secara profesional di lokasi aktiviti. Jurulatih menghadiri latihan formal dan mendapat sijil tauliah sebelum terlibat dengan aktiviti kokurikulum. Implikasinya, pihak kementerian pendidikan hendaklah berusaha membuat kerjasama strategik dengan agensi profesional untuk menyediakan jurulatih kokurikulum yang kompeten selain menerbitkan garis panduan khusus berkaitan amalan pengurusan

risiko pelaksanaan aktiviti kokurikulum yang seragam digunakan oleh institusi-institusi pendidikan di Malaysia.

## RUJUKAN

- Abu Bakar, M. H. (2007). Kedudukan kokurikulum di sekolah: Persepsi guru dan pelajar. Kertas Projek. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aman, M. S. (2006). Asas pengurusan sukan. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ang, K. K. (2007). Kompetensi setiausaha sukan dan amalan pengurusan risiko dan keselamatan program sukan sekolah menengah di Malaysia. Universiti Putra Malaysia: Thesis Ph.D.
- Appenzeller, H. (2005). *Risk management in sport issues and strategies (2nd ed)*. Durham: Carolina. Academic Press.
- Astro Awani (2022, Disember 26). Tanah runtuh Batang Kali: Kejadian kedua terbesar melibatkan jumlah mangsa maut. Retrieved from <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tanah-runtuh-batang-kali-kejadian-kedua-terbesar-libatkan-jumlah-mangsa-maut-398840>
- Bhandari, P. (2020, May 14). Population vs sample: what's the difference? Scribbr. <https://www.scribbr.com/methodology/population-vs-sample/>
- Brown, M. T. (2001). Risk identification and reduction. In Cotton, D. J., Wolohan, J. T. & Wilde, T. J. *Sports law for recreation and sport managers* (pp.279-291). Dubuque, IA: Kendall / Hunt Publishers.
- Chelladurai, P. (2005). Managing organizations for sport and physical activity: A systems perspective (2nd ed.). Scottsdale, AZ: Holcomb Hathway.
- Cherry, K. (2022, September 04). How does the cross-sectional research method work? Very Well Mind. The Definition and Use of a Cross-Sectional Study ([verywellmind.com](https://www.verywellmind.com))
- Dannels, S. A. (2018). The reviewer's guide to quantitative methods in the social sciences. (2nd ed.). Routledge.
- Fatimah Mustafa. (2015). Konstruksi amalan pengurusan risiko sukan ke arah penghasilan kerangka konsep APRS jurulatih sukan institusi pendidikan guru Malaysia. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Tesis Doktor Falsafah.
- Fuller, C.W (1999). *Safety in Sport: Guidance for UK National Governing Bodies*. UK sport.
- Hair J. F., Anderson R. E., Tatham R. L., & Black W. C. (2010). Multivariate data analysis. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall
- Kassim, M. (2012). The Acquisition of knowledge by the coaches: Can qualitative approach help? JSSPS Jurnal Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani. Jilid 1. 35-43.
- Konting, M.M. (2000). Kaedah penyelidikan pendidikan (Edisi Kedua). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- KPM, (2012). Konsep dan manual sekolah selamat: Panduan pelaksanaan menjadikan sekolah, komuniti dan keluarga selamat untuk kanak-kanak. Putrajaya: Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Landell, K. (1997). Management by menu. London: Wiley and Sons Inc.
- Mohd. Najib, (2015). Amalan pengurusan keselamatan bengkel Kemahiran Hidup (KHB) Sekolah Menengah Harian Daerah Batu Pahat. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Master.
- Oh, S.K. Persepsi Guru-Guru Bengkel Terhadap Masalah Yang Dihadapi Dalam Pengurusan Bengkel. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia; (2003).

- Pedersen P.M., Parks J.B., Quarterman J., Thibault L. (2011). Contemporary sport management. Champaign, IL: Human Kinetics.
- Richard, H. (2005). Analysis of Risk management practices and litigation status in aquatic centers. Tesis Ph.D. University of Florida.
- Sinar Harian (2023, Jun 15). Pelajar pondok dikhuatiti lemas. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/263576/berita/semasa/pelajar-pondok-dikhuatiri-lemas>
- Singh, C., & Surujlal, J. (2010). Risk management practice of high school sports coaches and administrators. South African Journal for Research in Sport, Physical Education and Recreation, 2010, 32(1), 107-119.
- Steyn E., Hollander W., Roux C. (2012). State of sports event management competencies in South Africa. Afr. J. Phys. Health Educ. Recreat. Dance 8 (Supplement 1:1):64-76.
- Sulong, M.P (2000). Tanggapan Guru-guru terhadap kepentingan penyenggaraan bengkel di Sekolah Menengah Teknik Kemaman, Terengganu: Satu Tinjauan. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Sumintono, B., & Widhiarso, W. (2015). Aplikasi pemodelan RASCH pada assessment pendidikan (Issue September). Penerbit Trim Komunika.
- Vosloo, J.J. (2014). A sport management programme for educator training in accordance with the diverse needs of South African schools (Unpublished doctoral dissertation). North-West University, Potchefstroom.